Utusan Borneo: 11 November 2026

Berjudi di tempat awam, wanita didenda RM2,000

KUCHING: Seorang wanita tempatan berusia 24 tahun didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah berjudi di tempat awam.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Cheria Mapan selepas menerima pengakuan bersalah tertuduh terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Tertuduh boleh dipenjara selama dua bulan sekiranya gagal membayar denda.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis yang tidak dinyatakan di Pending Height 1, Jalan Pending, kira-kira jam 2.10 petang pada 31 Oktober lalu.

Mengikut fakta kes, sepasukan anggota polis menyerbu premis berkenaan menerusi Ops Dadu dan menemui seorang wanita tempatan yang disyaki menjual kredit tambah nilai untuk perjudian dalam talian.

Wanita itu ditahan, manakala polis turut merampas telefon bimbit dan wang tunai RM250.

Hasil siasatan mendapati tertuduh berjudi di tempat awam, sekaligus melakukan kesalahan di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aqila Morsalin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.